

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR - DAP ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 20)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha yang kini sedang diambil untuk membangunkan semula sukan hoki yang kini sedang merundum sepertimana yang jelas dicerminkan di dalam sukan Komanwel baru-baru ini.

SULIT

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Berdasarkan persembahan pasukan hoki kebangsaan di Sukan Komanwel 2014, Konfederasi Hoki Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa penilai (*post mortem*) bagi mengenalpasti dan seterusnya menangani masalah yang dikesan. Hasil dari penilaian jawatankuasa tersebut, Konfederasi Hoki Malaysia telah membuat keputusan untuk merehatkan ketua jurulatih pasukan kebangsaan, Muhammad Dharma Raj Abdullah. Tempat beliau telah digantikan sementara oleh Arul Selvaraj dan dibantu oleh bekas jurulatih kebangsaan, Tai Beng Hai selaku jurulatih interim untuk persediaan ke Sukan Asia 2014.
2. Konfederasi Hoki Malaysia bersama Majlis Sukan Negara telahpun memulakan program pembangunan prestasi tinggi Pasukan Hoki Remaja Projek 2016. Program ini dilaksanakan secara sepenuh masa memberi tumpuan kepada Kejohanan Piala Dunia Remaja tahun 2016.
3. Bagi memastikan kemajuan dan pembangunan sukan hoki secara berterusan di peringkat akar umbi, kerajaan telah memperuntukkan dana di bawah program 1MAS. Program tersebut dilaksanakan bersama Konfederasi Hoki Malaysia dan Majlis Sukan Negara. Program diketuai oleh jurulatih Lim Chiow Chuan dan dibantu oleh jurulatih Yahya Atan. Mereka akan membuat pemantauan ke sekolah-sekolah yang terpilih yang dikendalikan oleh jurulatih-

## SULIT

jurulatih peringkat negeri. Setakat ini, terdapat 14 buah pusat latihan untuk pasukan lelaki dan 9 buah pusat latihan untuk pasukan wanita di seluruh negara yang melibatkan seramai lebih kurang 560 orang pemain hoki lelaki dan 270 orang pemain hoki wanita.

Sekian, terima kasih.